



KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (7)

Tarikh: 7 September 2024 / 3 Rabiulawal 1446H

2,024 KANAK-KANAK TABIKA KEMAS CIPTA REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS

SKUDAI, 7 Sept. – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sekali lagi mencipta rekod di *The Malaysia Book of Records* melalui program J. Robik yang telah melibatkan penyertaan seramai 2,024 kanak-kanak TABIKA KEMAS dari negeri Johor semasa Majlis 'Kick Off' - Hari POTENSI KEMAS Peringkat Kebangsaan bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Program J. Robik adalah singkatan dari "Jom Robik" ini merupakan senamrobik (aerobik) yang disasarkan kepada kanak-kanak ke arah mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif disamping memperkenalkan senaman aerobik secara berstruktur kepada kanak-kanak dalam suasana yang ceria dan menyeronokkan.

Seramai 2,024 orang kanak-kanak telah menyertai aktiviti senamrobik secara serentak dalam kumpulan besar yang berlangsung selama 18 minit mengikut gerak fizikal dan alunan muzik.

Hari POTENSI KEMAS Peringkat Kebangsaan Kali Ke-19 ini berlangsung selama tiga (3) hari bermula 6 hingga 8 September 2024 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Hari Potensi KEMAS bertujuan mencungkil bakat dan minat, memupuk nilai murni, membentuk keyakinan diri, kreativiti dan estetika serta menghargai warisan budaya dalam kalangan kanak-kanak selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selain acara Futsal, Bola Jaring, Gerak Kreatif dan 'Kids Athletics', acara 'STREAM Digital Showcase' merupakan acara baharu yang diadakan pada Hari POTENSI KEMAS Peringkat Kebangsaan Kali Ke-19 ini.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
7 September 2024